

Imej Wanita Dalam Pantun Melayu

¹Nur'Ain Nasir, ²Zuraidah Jantan & ³Rozaimah Rashidin
^{1,2} *Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak*

³*Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Shah Alam.*
zuraidah0420@uitm.edu.my

Abstrak

Kajian ini mengenal pasti imej-imej wanita dan juga imej dominan wanita yang terdapat dalam pantun Melayu. Hal ini berhubungan dengan kenyataan Sharifah Zaleha (1998) bahawa "Walaupun ada aspek-aspek positif yang menggambarkan wanita tradisional, namun secara keseluruhannya, wanita dianggap lemah, mudah dimanipulasi dan tidak boleh menentukan nasib sendiri." Pernyataan tersebut membawa maksud bahawa walaupun wanita mempunyai imej positif, akan tetapi imej negatif terhadap wanita sering mendominasi imej positif terutamanya dalam peribahasa, novel dan majalah. Data yang digunakan dalam kajian ini ialah pantun yang berunsur kasih sayang dalam buku Kurik Kundi Merah Saga. Imej wanita dianalisis dengan menggunakan pendekatan pragmatik dan pengaplikasian Teori Relevans. Berdasarkan hasil kajian, terdapat tujuh imej wanita positif dan 13 imej wanita negatif yang terkandung dalam 20 rangkap pantun. Ternyata bahawa imej wanita yang dominan dalam pantun kasih sayang ini ialah imej negatif. Kesimpulannya, kajian ini telah memberikan satu persepsi terhadap imej wanita iaitu imej negatif sering mendahului imej positif wanita seperti kajian-kajian yang pernah dilakukan sebelum ini. Selain itu juga, penggunaan pantun sangat menonjol dalam kalangan masyarakat Melayu. Keindahan pantun bukan sahaja terletak pada pilihan kata serta kalimatnya yang berima, tetapi terkandung di dalamnya makna dan falsafah yang sangat baik mewakili pancaran pemikiran masyarakat tradisi dahulu. Terdapat banyak pantun yang terakam di dalamnya tunjuk ajar, nasihat dan hal yang berkaitan tentang cara hidup beragama, bermasyarakat, dan berkeluarga. Justeru, tunjuk ajar dalam pantun Melayu dapat mewariskan nilai jati diri dalam kalangan masyarakat bermula daripada peringkat kanak-kanak sehinggalah dewasa. Walaupun imej negatif wanita lebih menonjol dalam pantun tetapi ia merupakan satu peringatan dan nasihat kepada golongan ini agar menjaga kehormatan dan tatasusila dalam lingkungan sosial mereka agar terpelihara jati diri dan akal budi.

Kata kunci : imej wanita, pantun Melayu, pantun kasih sayang, akal budi, Teori Relevans

Pengenalan

Sifat masyarakat Melayu yang tidak suka untuk berkasar bahasa atau menyatakan sesuatu yang boleh menyebabkan seseorang individu yang lain tersinggung perasaannya. Orang Melayu dianggap kurang ajar jika berbahasa secara terus terang (Shuib Dan, 2005:31). Oleh itu, mereka lebih suka berkias bila menyatakan nasihat dan teguran. Inilah fungsi pantun sebagai satu cara berkomunikasi tidak berterus terang dalam masyarakat Melayu tetapi berkias (Shuib Dan, 2005:31) dan seterusnya menunjukkan bahawa masyarakat Melayu merupakan masyarakat yang penuh adab budaya yang sopan santun. Pantun mengandungi teladan dan aspek kehidupan. Pantun membawa keseluruhan elemen kehidupan masyarakat Melayu, daripada beberapa perkara biasa dalam kehidupan seharian, alam persekitaran, tradisi, kepercayaan hinggalah kepada aspek ketuhanan. Oleh itu, jelas pantun merangkumi keseluruhan aspek kehidupan orang Melayu.

Selain itu, imej wanita juga dapat dipaparkan melalui serangkap pantun. Masyarakat pada zaman dahulu akan menggambarkan bagaimana imej wanita pada zaman dahulu dengan menggunakan pantun. Menurut Nor Azita Che Din (2003:8), "...karya-karya kesusasteraan Melayu lama menjadi asas penting dalam mengenal pasti ciri-ciri dan imej unggul wanita yang telah ada dalam masyarakat dahulu." Berdasarkan pernyataan tersebut, boleh disimpulkan bahawa terdapat kaitan antara pantun dengan imej wanita. Imej diri wanita

dalam masyarakat Melayu menggambarkan jati diri yang diwarisi dari zaman ke zaman (Nor Azita Che Din2003:3). Wanita dalam masyarakat Melayu dibentuk dengan ciri-ciri kewanitaan daripada pelbagai aspek contohnya penampilan diri, peranan, tanggungjawab dan sifat sopan santun yang dididik sejak kecil lagi. Semua ciri-ciri ini disemai dalam diri seorang wanita Melayu sebagai asas pembentukan imej diri mereka.

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti imej-imej wanita dan juga imej dominan wanita yang terdapat dalam pantun Melayu. Hal ini berhubungan dengan kenyataan Sharifah Zaleha (1998) bahawa "Walaupun ada aspek-aspek positif yang menggambarkan wanita tradisional, namun secara keseluruhannya, wanita dianggap lemah, mudah dimanipulasi dan tidak boleh menentukan nasib sendiri." Pernyataan tersebut membawa maksud bahawa walaupun wanita mempunyai imej positif, akan tetapi imej negatif terhadap wanita sering mendominasi imej positif terutamanya dalam peribahasa, novel dan majalah.

Kajian Lepas

Kajian Rozaimah Rashidin (2008) serta Nor Hashimah Jalaluddin dan Norsimah Mat Awal (2006) menggunakan Teori Relevans untuk menganalisis data. Kajian mereka juga membandingkan kedua-dua jantina iaitu wanita dan lelaki. Hasil kajian Rozaimah (2008) menunjukkan terdapat 55 jenis perlambangan yang menggambarkan imej wanita dan 43 jenis perlambangan yang menggambarkan imej lelaki dalam pantun Melayu. Seterusnya, lebih banyak unsur perlambangan dalam peribahasa Melayu menunjukkan imej wanita yang mengandungi maksud negatif. Sebaliknya pula bagi imej lelaki, iaitu lebih banyak peribahasa membawa maksud positif. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat unsur seksisme dalam peribahasa yang berkaitan dengan imej lelaki dan wanita. Terdapat 27 perlambangan yang menunjukkan imej wanita negatif berbanding imej positif iaitu sebanyak 9 perlambangan, manakala imej lelaki positif adalah sebanyak 2 perlambangan berbanding imej negatif iaitu sebanyak 9 perlambangan. Selain itu, beliau berpendapat bahawa pemilihan perlambangan dalam peribahasa antara imej lelaki dan wanita adalah tidak ketara berat sebelah dan seimbang. Kajian Nor Hashimah Jalaluddin dan Norsimah Mat Awal (2006) membuktikan bahawa citra wanita sebagai berpendidikan, berkeyakinan dan berani melalui peluasan makna kuat. Sebaliknya bagi citra lelaki yang tiada anjakan paradigma kerana tiada perubahan yang ketara antara lelaki pada zaman 60-an hingga kini. Ini adalah disebabkan tanggapan kaum lelaki yang merasakan kedudukan mereka lebih tinggi daripada wanita. Kaum wanita pula melalui satu anjakan paradigma kerana dulu mereka merupakan kaum yang lemah, menjadi objek seks berubah kepada wanita yang kuat, berpelajaran dan berdikari.

Selain itu, terdapat juga pengkaji yang mengkategorikan imej-imej wanita berdasarkan data kajian seperti kajian Nor Zaliza Sarmiti (2000) dan kajian Rosleyza Othman (2004). Kebanyakan hasil kajian menunjukkan bahawa dahulunya wanita dianggap lemah, akan tetapi mula bangkit daripada tanggapan negatif masyarakat. Hasil kajian Nor Zaliza Sarmiti (2000) pula menunjukkan bahawa imej dan martabat kaum wanita telah banyak melalui transformasi ke arah positif dan wanita kini sudah boleh berdikari dan tidak terlalu bergantung kepada lelaki. Walau bagaimanapun, melalui analisis, masih terdapat wanita yang mengekalkan imej stereotaip yang negatif seperti terlalu bergantung kepada lelaki, bersifat lemah, mudah terpedaya dan tidak berfikir panjang dalam membuat sesuatu keputusan. Rosleyza Othman (2004) membahagikan imej wanita kepada dua kategori iaitu imej wanita positif dan imej wanita negatif. Terdapat 10 imej wanita positif yang dipaparkan iaitu sabar, tabah, sebagai sahabat, bercita-cita tinggi, sebagai ibu, beragama, imej wanita kota, berkerjaya, prihatin dan bertanggungjawab. Imej wanita negatif pula terbahagi kepada tujuh iaitu pendendam, curang, *queen control*, keruntuhan moral, teraniaya, kecewa, mementingkan pangkat dan darjat dan imej wanita simpanan. Hasil kajian menunjukkan bahawa wanita mengalami banyak perubahan dan wanita hari ini mendapat kelonggaran menyuarakan hak mereka.

Metodologi Kajian

Bahagian ini membincangkan metod kajian yang digunakan bagi melihat imej wanita dalam pantun Melayu. Metod kajian terbahagi kepada data kajian dan kerangka teori.

Data Kajian

Pantun yang dianalisis dalam kajian ini diambil dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga* Edisi Kedua (2009) terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka. Penyumbang pantun di dalam buku tersebut terdiri daripada responden di seluruh negeri di Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. *Kurik Kundi Merah Saga* mengandungi sebelas (11) kategori pantun yang membentuk 5154 rangkap pantun.

Jadual 1: Kategori dan Jumlah Pantun dalam *Kurik Kundi Merah Saga*

No.	Kategori	Jumlah	Peratusan (%)
1.	Pantun Kasih Sayang	2639	51.20
2.	Pantun Adat	537	10.42
3.	Pantun Kiasan	471	9.14
4.	Pantun Nasihat	367	7.12
5.	Pantun Perantauan	283	5.49
6.	Pantun Jenaka	201	3.90
7.	Pantun Perbilangan	189	3.67
8.	Pantun Budi	184	3.57
9.	Pantun Agama	149	2.89
10.	Pantun Kepahlawanan	79	1.53
11.	Pantun Berniaga	55	1.07

Jadual 1 menunjukkan kategori, jumlah dan peratusan pantun dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga*. Kategori pantun yang dijadikan sebagai data kajian ialah kategori pantun pertama iaitu pantun kasih sayang. Terdapat 2639 rangkap pantun kasih sayang dalam *Kurik Kundi Merah Saga*. Pantun kasih sayang dipilih adalah kerana ia merupakan kategori pantun utama dalam buku *Kurik Kundi Merah Saga* dan mengandungi jumlah pantun yang tertinggi.

Terdapat 194 rangkap pantun yang mengandungi imej wanita. Pantun tersebut seterusnya dipecahkan kepada 20 kategori. Dapatan analisis kemudian dibahagikan kepada imej positif wanita dan imej negatif wanita. Kedua-dua imej wanita tersebut akan dibandingkan berdasarkan kekerapan. Perbandingan tersebut akan menunjukkan imej wanita yang kerap kali ditonjolkan dalam pantun Melayu.

Kerangka Teori

Teori yang digunakan bagi menganalisis imej wanita dalam pantun Melayu ini ialah Teori Relevans yang dipelopori oleh Sperber dan Wilson (1986, dalam Nor Hasimah Jalaluddin, 2003). Teori Relevans menggandingkan dua bidang ilmu iaitu bidang semantik dan pragmatik. Teori Relevans mengandungi tiga gagasan utama iaitu konteks, kesan konteks dan kos memproses. Teori ini juga mengandungi tiga subgagasan iaitu pangayaan, pemilihan rujukan dan penyahaksaan maklumat untuk membantu tiga gagasan utama tadi bagi menginterpretasikan makna dengan lebih mudah. Menurut Nor Hashimah Jalaluddin (2003), kerelevanan sesuatu ujaran bergantung pada kesan konteks dan usaha pemrosesan

maklumat. Oleh itu, jika terdapat kesan konteks yang banyak dan kos memproses pula rendah, maka semakin relevanlah ujaran tersebut.

Analisis Dan Perbincangan

Bahagian ini memaparkan dua contoh analisis pantun yang mengandungi imej negatif dan positif.

Contoh Pantun 1

*Ayam hutan terbang ke hutan,
Turun ke tanah mencari makanan;
Kerana digila burung di hutan,
Denak di rumah mati tak makan.*

Andaian implikatur:

Kegilaan seseorang terhadap burung hutan menyebabkan denak yang dipeliharanya mati kelaparan.

Kesimpulan implikatur:

Wanita tertindas kerana lelaki itu tidak menjaganya sebaik mungkin kerana menggilai perempuan lain.

Pantun tersebut menceritakan perihal ayam hutan yang berasal dari hutan. Ayam hutan tersebut digambarkan turun ke tanah untuk mencari makanannya. Ayam hutan dikatakan pandai terbang dan sepanjang harinya akan berada di atas pokok mahupun apabila sedang tidur. Ayam yang dipelihara selalunya diberi makan dedak iaitu kulit padi yang menjadi serbuk ketika padi ditumbuk. Berbeza pula dengan ayam hutan yang bebas dan tidak dipelihara, ia akan mencari makanan sendiri seperti cacing, pucuk-pucuk rumput serta serangga kecil. Oleh itu, ayam hutan perlu turun ke tanah untuk mencari makanannya. Andaian implikatur menyatakan bahawa orang tersebut terlalu taksud pada burung di hutan iaitu yang bersifat liar dan kegilaannya terhadap burung hutan menyebabkan denak yang dipeliharanya mati kelaparan.

Kesan konteks dapat diwujudkan dengan mengaitkan perlambangan 'burung' dan 'denak' dengan wanita. Burung adalah seekor binatang berbulu, berkaki dua, bersayap dan kebiasaannya dapat terbang (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Denak pula adalah burung atau binatang pemikat iaitu untuk menarik burung atau diperangkap ataupun umpan (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Oleh itu, 'denak' yang dimaksudkan dalam pantun tersebut adalah seekor burung kerana ia dijadikan umpan untuk memikat burung di hutan. Pantun tersebut mengandungi maksud yang tersirat. Perkara yang dimaksudkan ialah, seorang lelaki mengabaikan wanita yang sepatutnya dijaga kerana lelaki itu cuba memikat wanita lain. Lelaki tersebut diandaikan menggilai wanita lain sehinggakan sanggup berbelanja untuk wanita itu, dan menyebabkan wanita yang berada di rumah tidak diberi duit untuk berbelanja. Proses penggabungan maklumat terjadi kerana andaian awal dapat digabungkan dengan maklumat baru. Penggabungan maklumat berlaku apabila 'denak' iaitu maklumat lama digabungkan dengan imej wanita iaitu maklumat baru dan dapat dirumuskan bahawa 'denak' merujuk kepada wanita. Kesimpulan implikatur menyatakan bahawa wanita tersebut tertindas kerana lelaki itu tidak menjaganya sebaik mungkin kerana menggilai perempuan lain.

Kos memproses adalah tinggi kerana pembaca atau pendengar perlu meneliti maksud sebenar pantun. Selain itu, pembaca atau pendengar juga perlu memahami sifat burung dan denak yang terdapat dalam pantun. Burung tersebut disifatkan sebagai liar kerana hidup di hutan, denak tersebut pula dijaga di rumah. Oleh itu, wanita yang dianggap sebagai denak itu

tidak dipedulikan oleh lelaki itu dan seperti tertindas. Kajian Nor Zaliza Sarmiti (2000) "Imej Wanita: Kajian Berdasarkan Artikel dalam Majalah Mingguan Wanita Keluaran Oktober hingga Disember 1999" mencadangkan imej wanita yang ditonjolkan dan salah satunya ialah bersifat lemah dan sering ditindas. Situasi dalam pantun tersebut dianggap wanita itu ditindas oleh lelaki apabila lelaki itu tidak menjaganya lagi kerana wanita lain. Imej wanita iaitu dilambangkan sebagai 'burung' yang ditonjolkan dalam pantun tersebut ialah imej negatif.

Contoh Pantun 2

Banyak terbang si burung camar,
Di pokok ara singgah meniti;
Banyak pemuda datang melamar,
Sayang dara hatinya terkunci.

Andaian implikatur:

Wanita tersebut tidak menerima lamaran lelaki-lelaki yang datang.

Kesimpulan implikatur:

Wanita dianggap setia walaupun melalui halangan yang perlu ditempuhi.

Berdasarkan pantun tersebut, digambarkan burung camar sedang berterbangan di udara dalam jumlah yang banyak. Burung camar ialah sejenis burung laut yang dikatakan boleh terbang dalam jangka masa yang lama. Burung ini terkenal dengan aksinya untuk menangkap ikan di laut dengan menjunam dan seterusnya menyelam ke dalam air. Oleh itu, dapat digambarkan burung-burung camar terbang di atas lautan dalam jumlah yang banyak untuk mencari makanan. Seterusnya, digambarkan burung camar tersebut hinggap pada pokok ara. Pokok ara merupakan sejenis tumbuhan yang dikenali dengan fizikalnya yang besar. Pokok ini mula tumbuh sebagai biji benih yang tumbuh pada pokok lain, dan oleh sebab itu, pokok ara kelihatan berselirat antara satu sama lain. Andaian implikatur menyatakan bahawa wanita tersebut tidak menerima lamaran lelaki-lelaki yang datang.

Kesan konteks dapat diwujudkan dengan mengaitkan perlambangan 'dara' dengan wanita. 'Dara' menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) ialah perempuan yang sudah baligh tetapi belum berkahwin. Oleh sebab itu, ramai lelaki yang datang ke rumah keluarga wanita tersebut untuk melamarnya. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007), 'lamaran' ialah meminta untuk berkahwin atau meminang. Dalam konteks masyarakat Melayu, perempuan akan dirisik terlebih dahulu untuk memastikan statusnya adakah masih bujang atau sudah berpunya. Kemudian akan dipinang, bertunang dan akhir sekali ialah berkahwin. Akan tetapi, wanita dalam pantun tersebut dikatakan hatinya terkunci. 'Terkunci' menurut Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) ialah tertutup dengan kunci. Oleh itu, hati yang terkunci yang dimaksudkan dalam pantun tersebut ialah perasaan wanita itu telah tertutup untuk semua lelaki kerana dirinya menyayangi orang lain. Disebabkan perkara itu, walaupun ramai yang datang melamarnya, wanita itu tetap dengan pendiriannya iaitu menunggu lelaki yang disayangnya untuk memiliki hatinya. Wanita tersebut amat setia kepada lelaki yang disayangnya kerana tidak berubah hati. Proses penguatan maklumat berlaku apabila wanita tersebut tidak menerima lamaran lelaki lain dan perbuatan tersebut dianggap sebagai setia. Kesimpulan implikatur menyatakan bahawa wanita dianggap setia walaupun melalui halangan yang perlu ditempuhi. Kos memproses adalah rendah kerana pantun tersebut bersifat eksplikatur dan mudah difahami. Selain itu, masyarakat Melayu sudah sedia maklum akan tatacara untuk meminang seseorang wanita. Jika wanita tersebut tidak menerima lamaran itu, maka proses seterusnya tidak akan dapat dijalankan. Penolakan sesuatu peminangan mempunyai sebab-sebab yang wajar disebaliknya.


Dapatan

Berdasarkan analisis yang telah dilaksanakan, berikut merupakan paparan kategori dan jumlah rangkap pantun dalam setiap kategori imej yang telah dianalisis

Jadual 2: Kategori dan jumlah pantun mengikut Imej Positif dan Imej Negatif

NO.	Imej	Kategori	Jumlah
1.	Positif	Setia	14
		Mempunyai sifat positif	5
		Dijaga dan diawasi oleh keluarga	25
		Disayangi	22
		Cantik	15
		Berharga dan bermartabat tinggi	4
		Pemalu	1
		JUMLAH	
2.	Negatif	Tertindas	11
		Cerewet	6
		Cenderung untuk curang	10
		Digilai lelaki	22
		Mudah terpengaruh	11
		Bergantung kepada lelaki	4
		Tidak bermoral	19
		Tidak jujur	4
		Dipandang rendah	8
		Kecewa	2
		Imej wanita simpanan	1
		Dianggap sebagai objek seks	8
		Tidak menjaga tutur kata	2
		JUMLAH	

Rajah 1: Peratusan Imej Positif dan Negatif Wanita



Rajah 1 menunjukkan peratusan daripada analisis kajian yang menunjukkan imej positif dan negatif wanita. Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, imej negatif wanita lebih menonjol daripada imej positif. Warna biru mewakili imej positif iaitu sebanyak 44% dan warna merah mewakili imej negatif wanita iaitu sebanyak 56%. Imej negatif wanita mendahului imej positif wanita sebanyak 12%. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa imej negatif wanita merupakan imej dominan wanita dalam pantun kasih sayang.

Kesimpulan

Kajian ini telah memberikan satu persepsi terhadap imej wanita iaitu imej negatif sering mendahului imej positif wanita seperti kajian-kajian yang pernah dilakukan sebelum ini. Selain itu juga, penggunaan pantun sangat menonjol dalam kalangan masyarakat Melayu. Keindahan pantun bukan sahaja terletak pada pilihan kata serta kalimatnya yang berima, tetapi terkandung di dalamnya makna dan falsafah yang sangat baik mewakili pancaran pemikiran masyarakat tradisi dahulu. Terdapat banyak pantun yang terakam di dalamnya tunjuk ajar, nasihat dan hal yang berkaitan tentang cara hidup beragama, bermasyarakat, dan berkeluarga. Justeru, tunjuk ajar dalam pantun Melayu dapat mewariskan nilai jati diri dalam kalangan masyarakat bermula daripada peringkat kanak-kanak sehinggalah dewasa. Walaupun imej negatif wanita lebih menonjol dalam pantun tetapi ia merupakan satu peringatan dan nasihat kepada golongan ini agar menjaga kehormatan dan tatasusila dalam lingkungan sosial mereka agar terpelihara jati diri dan akal budi.

Rujukan

- Kurik Kundi Merah Saga* (Edisi Kedua). 2009. Selangor: Dawama Sdn. Bhd.
- Lam Siew Tai. 2008. *Imej Wanita dan Unsur Seksis dalam Peribahasa Cina*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Nor Azita Che Din. 2003. *Imej Diri Wanita Melayu Kini: Satu Kajian Kes di Brickfields, Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2003. *Bahasa dalam Perniagaan: Satu Analisis Semantik dan Pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin dan Norsimah Mat Awal. 2006. *Citra Lelaki dan Wanita dalam Korpus Sastera: Satu Kajian Semantik*. Singapura: Universiti Nanyang.
- Nor Zaliza Sarmiti. 2000. *Imej Wanita: Kajian Berdasarkan Artikel dalam Majalah Mingguan Wanita Keluaran Oktober Hingga Disember 1999*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Rosleyza Othman. 2004. *Imej Wanita dalam Novel Sri Diah*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Rozaimah Rashidin. 2008. *Imej Wanita dan Lelaki dalam Peribahasa Melayu*. Jurnal ASWARA.
- Shaiful Bahri Md. Radzi. 2003. Pantun Suku Kaum Mah Meri. *Akademika* 62 (Januari), hal. 41-57.
- Shuib Dan. 2005. *Konsep Alam Pantun Melayu: Analisis Intertekstualiti*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Biodata Penulis

Nur'Ain Nasir, guru bahasa di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak. Bidang kepakaran beliau ialah pengajaran bahasa Melayu dan semantik.

Zuraidah Jantan, Pensyarah Kanan dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Shah Alam, Selangor. Fonetik, fonologi dan analisis wacana merupakan kepakaran beliau dalam bidang linguistik.

Rozaimah Rashidin (PhD), Pensyarah Kanan yang berkhidmat di Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Shah Alam, Selangor. Bidang linguistik yang ditekuni ialah semantik, pragmatik dan semiotik visual.